

# Memperbetulkan persepsi poligami

## Fikah saran tolak keburukan lebih utama daripada mengambil manfaat



B.H. 11/9/12  
24.1.07  
PEGUAM SYARIE MENULIS

Oleh Nurhidayah Muhd Hashim

**K**EBELAKANGAN ini masyarakat kembali hangat membicarakan isu poligami. Filem Indonesia *Berbagi Suami* dikatakan mampu menyedarkan keburukan amalan poligami. Melalui akhbar, cerita ini mengangkat tema poligami dan memfokuskan kepada masalah kehidupan rumah tangga tidak bahagia orang bërma-du.

Di antara isteri dimadu dan tidak bahagia, ada terjawab kepada dengan cinta lesbian dan mereka akhirnya menjadi pasangan. Filem ini dikatakan tidak menjatuhkan hukum atau membuat kesimpulan tetapi memberi peluang kepada penonton membuat kesimpulan dan menilai berdasarkan keilmuan dan perspektif masing-masing.

Secara dasarnya, Islam mengharuskan poligami. Ia berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud: *"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan siapa yang kamu suka daripada kalangan perempuan lain, dua, tiga atau empat. Kemudian kalau kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri kamu) maka kahwinlah seorang saja."* (An-Nisa' 4:3)

Allah menggunakan bilangan dua, tiga, empat dan satu merujuk kepada bilangan wanita sebagai isteri. Tanpa perlu berfikir dengan terperinci atau membaca yang ter-sirat, setiap yang membacanya akan faham maksud ayat ini bahawa lelaki dibolehkan berkahwin dua, tiga atau empat orang wanita berbeza pada satu masa. Namun, sekiranya seseorang lelaki itu bimbang atau takut tidak dapat melayani semua isteri secara adil, dia seharusnya berkahwin dengan seorang saja.

Ia juga berdasarkan nasihat Rasulullah kepada sahabat yang baru memeluk Islam yang mempunyai ramai isteri ketika belum Islam. Bagi yang mempunyai isteri lebih daripada empat, Nabi menyuruh mereka membuat keputusan agar tidak lebih dari empat orang saja pada satu masa. Di antaranya seperti yang berlaku kepada Ghailan bin Salamah, Qais bin al-Harith dan Naufal bin Muawiyah.

Mengikut Hammudah dalam bukunya *Family Structure in Islam*, poligami lebih kepada *voluntary behavioral measure* yang berdasarkan kehendak seseorang yang layak sama ada dia ingin melaksanakan atau tidak melaksanakan kebenaran itu. Sesiapa berasakan dia layak dan ingin mengamalkannya, maka itu bukan kesalahan. Namun, ia

tidak pernah dikaitkan dengan sesuatu aman digalakkan atau amalan dianjurkan contohnya jika dilakukan ia boleh meningkatkan iman seseorang.

Dalil kedua adalah ayat 129 surah al-Nisa' bermaksud:

*"Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri(mu) walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian. Kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai), sehingga kamu biarkan yang lain terkapai-kepai."*

Imuwan Islam, Mustafa al-Sibaie menyatakan bahawa adil merujuk kepada kemampuan suami memberi layanan adil kepada isterinya.

Suami tidak pilih kasih dari segi penyediaan tempat tinggal, pakaian, makanan, giliran bermalam dan seterusnya dipanggil urusan maddi (urusan zahir dan kebenda-an).

Namun, dalam urusan bersifat dalaman atau lebih personal seperti rasa kasih berbeza dan senda gurau tidak sama, maka ia tidak menjadi syarat menurut pengertian adil. Ayat 3 dan 129 Surah an-Nisa hendaklah dibaca bersama agar kita dapat memahami maksudnya sebenar.

Oleh itu jika isteri pertama dibiarkan hidup susah, menyewa rumah kecil sedangkan anak ramai dan isteri kedua disedangkan kehidupan mewah, dibeli rumah besar dan diberi banyak wang nafkah, jelas ia berlawanan dengan konsep keadilan dalam ayat 3 itu.

Dalam hal dalaman, jika suami berasa sayang lebih kepada isteri kedua berbanding isteri lain, dia seharusnya tidak menun-juk-nunjak sehingga isteri lain berasa ter-abai.

Itulah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam hubungannya dengan isteri Baginda walaupun kasihnya lebih tertumpah kepada Aisyah.

Apa yang disyariatkan oleh Allah yang bersifat Maha Mengetahui mempunyai hikmah tersendiri. Begitu juga dengan poligami. Namun, disebabkan segelintir lelaki mengamalkan poligami secara tidak adil, maka masyarakat mempunyai persepsi salah sehinggakan keharusan berpoligami dalam Islam turut dipersalahkan.

Perumpamaan mudah yang boleh digunakan adalah seperti pisau digunakan oleh seseorang untuk membunuh orang lain. Apabila pembunuh melakukan pembunuhan menggunakan pisau miliknya, maka seharusnya pelaku itu dianggap bersalah, bukan pisau.

Apabila pisau itu yang diperbahaskan dan menjadi bahan kutukan dan cemuhan, maka perkara ia sukar diterima waras.

Jika ada pihak yang mencadangkan supaya dibuat undang-undang agar tidak ada

orang boleh menggunakan pisau dalam apa juga keadaan kerana kesilapan dilakukan pembunuh itu, maka keadaan akan menjadi lebih tidak munasabah. Begitulah yang terjadi kepada peruntukan poligami.

Kita semua mengetahui salah satu sifat Allah adalah Maha Mengetahui. Maka sebagai Muslim, tauhid kita perlu jelas dalam hal ini.

Sekiranya seseorang tidak boleh menerima hakikat suaminya berpoligami, ia berkait dengan kekuatan jiwa menerima ujian. Ia tentu sangat berbeza dengan seseorang yang menyatakan bangkangan mengenai keharusan berpoligami dalam Islam.

Dalam amalan poligami, ia memabatkan banyak pihak. Poligami tidak berlaku jika satu pihak tidak memberi persetujuan.

Apabila lelaki dipersalahkan kerana menyeka isteri pertama, ia juga memabatkan wanita lain yang bersedia menjadi isteri kepada lelaki yang sudah beristeri itu.

Ia umpama roda yang berpusing tidak berkesudahan. Kaedah fikah Islam lebih menekankan menolak keburukan adalah lebih aula dan utama daripada mengambil manfaat. Ia menunjukkan menolak dan mengelak keburukan yang bakal timbul adalah lebih aula dan utama daripada mengambil manfaat yang mungkin ada daripada sesuatu perkara.

Jika seorang lelaki sedar diri, sedar kadar kelemahan dan kekuatan dirinya, sudah boleh menilai jika berpoligami akan membawa kepada lebih banyak buruk dari baik untuk diri, isteri dan anak, maka wajarlah memilih monogami dan mengambil pendekatan disaran al-Quran.

Kenapa kita melihat Islam memberi batasan pergaulan di antara bukan muhrim. Perempaan dan lelaki perlu menjaga maruah diri, bergaul secara terbatas dan jangan sampai hubungan intim memabatkan perasaan dengan bukan muhrim apatah lagi jika sudah mempunya.

Kembali kepada filem *Berbagi Suami*, walaupun mungkin ada kebaikan dapat diketengahkan, tetapi jika ia boleh menyebabkan orang ramai membuat penilaian silap atau mengubah perspektif masyarakat sehingga secara tidak langsung, orang ramai melihat ajaran agama suatu yang buruk dan silap, maka filem ini wajar ditolak.

Apatah lagi jika ia boleh menghasilkan cadangan lebih buruk seperti membawa pilihan lesbian sebagai alternatif, atau menjadi perempuan simpanan atau membujang dan membenci lelaki seumur hidup, maka filem ini wajar ditapis dan diperbahaskan dengan waras menurut lensa agama serta tidak diketengahkan kepada masyarakat.

Penulis ialah Exco Persatuan Peguam Syarie Malaysia

PETIKAN AL-QURAN

*"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan siapa yang kamu suka daripada kalangan perempuan lain, dua, tiga atau empat. Kemudian kalau kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri kamu) maka kahwinlah seorang saja"*

(Surah An-Nisa' 4:3)

*"Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri(mu) walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian. Kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai), sehingga kamu biarkan yang lain terkapai-kepai"*

(Surah al-Nisa: 129)